

17 NOV 1997

DR MAHATHIR: MYANMAR TIDAK HARUS DIKETEPIKAN DARIPADA ASEM

LANGKAWI, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata yang Myanmar tidak harus diketepikan daripada Mesyuarat Asia-Europah (ASEM) di London tahun depan memandangkan negara itu kini anggota Asean.

Beliau berkata, tindakan mengetepikan Myanmar tidak akan membantu dalam membawa perubahan seperti yang diminta daripada Yangon.

"Asean berpendapat mesti ada hubungan terus dengan rakyat Myanmar kerana cara itu boleh membantu memengaruhi mereka dalam menerima norma-norma seperti yang diminta oleh dunia," kata beliau di persidangan berita bersama dengan Presiden Perancis Jacques Chirac di sini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menjawab soalan daripada seorang wartawan Perancis yang ingin mengetahui pendirian beliau jika Myanmar tidak dibenarkan menghadiri mesyuarat itu.

Dr Mahathir berkata, untuk mengenakan syarat-syarat terhadap Myanmar adalah tidak kondusif dalam meningkatkan dialog antara rakan-rakan serantau.

"Kita perlu memastikan siapa yang mewakili Asean ataupun negara-negara Asia Tenggara (bagi ASEM). Ia adalah bagi kita untuk memutuskan," kata beliau lagi.

Myanmar dan Laos diterima masuk dalam perkumpulan Asia Tenggara pada Julai lepas. ASEM pertama berlangsung di Bangkok tahun lepas.

-- BERNAMA

ARA PR